

**TEKS UCAPAN**

**PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA ANUGERAH PENYELIDIK UMS (APUMS)  
TAHUN 2016**

**27 SEPT 2017 | 8:30 PAGI  
DEWAN BANKUASI, UMS**

Bismillahirrahmanirrahim,

**(Salutasi)**

Yang Berusaha Profesor Dr. Shahril Yusof,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan  
Inovasi), merangkap Pengerusi Jawatankuasa  
Induk Anugerah Penyelidik UMS 2016,

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Lee Ping Chin,  
Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi  
merangkap Sekretariat APUMS 2016

Pegawai-pegawai Utama, Dekan-dekan,  
Pengarah-pengarah, Ketua-ketua jabatan, para  
pensyarah, sahabat media, seterusnya tuan-  
tuan dan puan-puan yang saya hormati  
sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Sehati  
Sejiwa,

Alhamdulillah, dipanjatkan setinggi-tinggi  
kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana  
dengan rahmat dan inayah-Nya, kita masih  
diberi kesempatan untuk hadir ke Majlis  
Anugerah Penyelidik UMS 2016 ataupun lebih  
dikenali dengan singkatan APUMS 2016.

Tahniah dan syabas kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS (PPI) dapat menganjurkan majlis bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan serta jasa para penyelidik UMS yang cemerlang.

**Tuan-tuan dan Puan-puan rakan  
seperjuangan UMS sekalian,**

Dalam konteks sebuah negara yang berambisi untuk menjadi negara maju, universitas bukan hanya berperan untuk menghasilkan modal insan yang berkualitas tetapi perlu juga berperan untuk menghasilkan ilmu baru dan harta intelektual yang bernilai tinggi melalui aktivitas penelitian dan inovasi.

Bersesuaian dengan objektif majlis kita pada pagi ini iaitu memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada penyelidik yang berjaya mengharumkan nama UMS di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa serta menyumbang kepada MyRA universiti, ia dapat memberi inspirasi dan galakan kepada penyelidik menghasilkan lebih banyak produk penyelidikan yang berkualiti tinggi dan berpotensi untuk dikomersialkan.

Pada tahun ini, selaras dengan lonjakan 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Ekosistem Inovasi, naratif sektor penyelidikan perlu berganjak dari 'membudayakan penyelidikan' kepada 'penyelidikan yang boleh memberi manfaat terus kepada masyarakat'. Persoalan yang berbangkit adalah:



Bagaimanakah penyelidikan di universiti dapat diterjemahkan sebagai solusi kepada isu-isu nasional dan antarabangsa demi manfaat industri, akademia, kerajaan dan paling penting sekali, masyarakat (selaras dengan konsep *quadruple-helix*)? Sehubungan itu, semasa majlis Amanat 2017 Menteri Pendidikan Tinggi pada 12 Januari 2017,

Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi telah mengumumkan bahawa tahun 2017 dinobatkan sebagai tahun "Penyelidikan Translasional" (Translational Research).

Dalam usaha untuk menyuburkan budaya dan meningkatkan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi, selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Kedua (UMS-KRA2) Pelan Strategik UMS 2018-2020,

Pengurusan Universiti akan sentiasa memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan penyelidikan yang terbaik.

Mengimbias kembali pencapaian UMS dalam bidang penyelidikan tahun 2016, UMS telah menerima sebanyak RM5.4 juta bagi membiayai 49 projek penyelidikan baru.

Geran penyelidikan ini diperoleh dari agensi kerajaan (3.6 juta), pihak swasta (RM558,000)

dan institusi antarabangsa (RM1.2 juta). Menyedari betapa pentingnya perlindungan harta intelek bagi setiap produk yang dihasilkan melalui penyelidikan, UMS telah merekodkan sebanyak 15 produk telah dilindungi iaitu merangkumi Pemfailan Paten – Kebangsaan (4 produk), Utiliti Inovasi (1 produk), Cap Dagangan (7 produk) dan Hak Cipta – *Notification of Works* (3 produk).

Dari segi pengkomersialan sepanjang tahun 2016, UMS telah berjaya mengkomersialkan tiga (3) teknologi iaitu LAMB *Biomass Dryer*, Garoupa-1 dan Garoupa-2. Bagi teknologi LAMB *Biomass Dryer* yang diinovasikan oleh Dr. Jidon @ Adrian Janaun, telah dilesenkan kepada Syarikat Villaco Sdn. Bhd. dengan yuran pelesenan sebanyak RM80,000 bagi tempoh 5 tahun.

Manakala formulasi Garoupa-1 dan Garoupa-2 yang diinovasikan oleh Prof. Dr. Rossita Shapawi telah dikomersialkan melalui jualan terus kepada Syarikat Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd. dengan jumlah RM30,000.00.

Pada tahun 2016 juga, UMS berjaya memenangi sebanyak 7 pingat emas di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi projek penyelidikan dan inovasi. UMS juga berjaya mendapat 3 Anugerah Khas dalam ITEX 2016, BIOMalaysia 2016 dan SIIF 2016. Ini menunjukkan bahawa kemampuan penyelidikan-penyelidik kita untuk menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tinggi telah diiktiraf oleh penilai-penilai antarabangsa.

Salah satu tugas hakiki pensyarah dan syarat untuk kenaikan pangkat adalah penerbitan. Mengikut rekod, UMS telah berjaya menerbitkan sebanyak 441 artikel dalam jurnal berimpak dan berindeks dalam SCOPUS dan ISI pada tahun 2016. Pada tahun ini, sasaran bilangan penerbitan kakitangan akademik UMS ialah sekurang-kurangnya 600 artikel SCOPUS/ISI untuk mencapai Key Performance Indicators (KPI) UMS,



seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Dari segi impak pula, penerbitan UMS bagi tempoh 5 tahun terakhir mengekalkan bilangan sitasi sekitar 4,000. Di sebalik penghasilan penyelidikan yang berkualiti tinggi, UMS telah mempunyai bangunan makmal bersepadu yang menempatkan peralatan yang berteknologi tinggi dan sederhana untuk digunakan oleh pelajar, penyarah dan penyelidik.

Makmal ini juga menawarkan perkhidmatan analisis dan ujian sampel kepada agensi kerajaan dan swasta. Diharapkan makmal ini dapat melonjakkan lagi aktiviti penyelidikan di UMS dan meningkatkan lagi kerjasama UMS dan pihak industri.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

Selain dari memberi pengiktirafan kepada para penyelidik terhadap usaha mereka mengharumkan nama universiti seperti yang diadakan pada hari ini, pengurusan universiti juga sentiasa memberi sokongan untuk menyuburkan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah.

Sebagai contoh, setiap tahun, universiti memperuntukkan sebanyak RM2 juta untuk geran penyelidikan dalaman UMS yang dikenali sebagai Skim Geran Penyelidikan UMS (SGPUMS). Skim ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Skim Pensyarah Lantikan Baru (SPLB) untuk penyelidik muda dan Skim Penyelidikan Bidang Keutamaan (SPBK) yang memberi fokus kepada bidang tujahan utama universiti.

Selain itu, pada tahun 2016, UMS telah memperkenalkan Geran Kolaborasi Penyelidikan dengan IPTA. Sebagai permulaan, UMS telah berkolaborasi dengan UNIMAS. Geran khas ini diharap dapat meningkatkan jumlah dan kualiti penyelidikan selain meningkatkan peluang menghasilkan penerbitan berimpak tinggi dan keterlihatan UMS di peringkat antarabangsa.

## **Hadirin dan hadirat sekalian,**

Saya yakin dan percaya, penyelidikan yang berkualitas tinggi dapat menjadi aset yang penting kepada universiti. Dengan itu, ianya turut dapat menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi yang membolehkan artikel-artikel ini tersenarai di dalam jurnal-jurnal yang berindeks seperti *SCOPUS* dan *ISI-Thomson Reuters*.

Oleh itu, manfaat dari hasil penyelidikan yang berkualiti tinggi ini bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian UMS dalam *Malaysia Research Assessment* (MyRA) malah dalam *QS University ranking*.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para penyelidik UMS yang menerima anugerah dan penghargaan pada pagi ini.

Saya menyeru agar budaya penyelidikan dan inovasi terus diterap oleh seluruh warga universiti bagi memastikan UMS sentiasa menjadi rujukan dan dihormati di dalam dan di luar negara.

Sekian, terima kasih.